

## **Minda Pengarang**

# **Penambahan pelatih TVET tampung tenaga mahir negara**

**T**enaga kerja mahir adalah penting untuk negara berpendapatan tinggi, status yang dijangkakan dicapai oleh negara pada tahun 2020. Oleh sebab itu, kita mengalu-alukan kesediaan Kementerian Pendidikan menimbang cadangan mempertingkatkan hingga 35 peratus daripada 200,000 pelatih bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk dilatih di pusat bertauliah (PB) swasta. Jika boleh dipercepatkan adalah lebih baik lagi. Bayangkan, jika peratusan pelatih itu dicapai, 65,000 daripada mereka boleh mendapat asuhan di PB swasta. Tambahan lagi, negara menyasarkan melatih 200,000 tenaga mahir setiap tahun dalam tempoh lima tahun lagi. Jadi, jika dapat dicapai, tentu negara dapat mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing. Pada masa sama, kita faham mengapa Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh yang dikemukakan saranan ketika program Bicara BH, kelmarin, meminta semua pihak supaya bersabar kerana pihaknya perlu mendapatkan pandangan Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Belia dan Sukan, dua agensi yang turut terbabit dalam pembangunan bidang vokasional negara. Pihak kementerian juga perlu mengambil kira kemampuan PB mengurus pelatih yang ramai. Apapun, berikutan isyarat positif Idris, kita berharap semakin ramai ibu bapa menghantar anak mereka untuk menyertai program TVET yang turut termasuk dalam kerangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Kita memahami mengapa masih ada ibu bapa kurang menggalakkan anak mereka menceburi TVET kerana mereka menganggapnya kerja berstatus rendah jika dibanding graduan jurusan gas dan minyak yang puratanya mendapat upah sehingga RM3,000 sebulan. Tanggapan ini perlu ditepis kerana pembangunan TVET di negara kita bermula 40 tahun lalu dan kini berkembang dengan lebih 500 institusi awam, manakala di pihak swasta pula bilangannya melebihi 800. Kita percaya bidang TVET boleh menjadi jawapan kepada isu tenaga mahir negara. Petunjuk awal ialah dari segi pengambilan pelajar lepasan SPM. Seramai 113,000 pelajar menyertai TVET pada tahun 2010, meningkat kepada 164,000 pelajar pada tahun 2013 sebelum mencapai 200,000 ketika ini. Kita juga boleh belajar daripada pengalaman negara luar seperti Jerman di mana 60 peratus pelajar menengahnya memilih untuk menyertai bidang TVET. Keadaan ini juga sama di Amerika Syarikat, Jepun, Kanada dan negara Eropah lain. Trend sama sedang berlaku di negara ini kerana kebanyakan belia dikesan lebih cenderung kepada TVET. Bidang itu dianggap lebih banyak menawarkan peluang pekerjaan serta memberi jaminan untuk kelangsungan kehidupan mereka pada masa akan datang berbanding bidang akademik konvensional. Berikutan perkembangan positif ini, kita berkongsi keyakinan dengan Idris bahawa cita-cita kerajaan akan menjadikan TVET sebagai bidang arus perdana seperti bidang akademik lain lambat laun akan menjadi kenyataan jika mengambil kira faktor peningkatan pelajar dalam bidang itu setiap tahun. Ini sama penting dengan dasar kerajaan yang menyokong pembangunannya lebih lima dekad lalu.